



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BANDAR  
SELAMAT TAHUN 2020

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**19 DISEMBER 2020 (SABTU)**  
**8.00 PAGI**

**JALAN PAUH DAMAI**  
**PERMATANG PAUH**  
**(BERHADAPAN RESTORAN DE' PAUH GARDEN)**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Tahun 2020. Saya berasa syukur dan bangga kerana program ini masih boleh dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru perjalanan program diadakan dalam menangani isu pandemik COVID-19 ini. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang ke arah zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

## Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Pada tanggal 16 September 2019, Pulau Pinang menempah satu sejarah baru apabila Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya, seterusnya menjadikan Negeri Pulau Pinang satu-satunya *City State* di Malaysia di mana setiap inci tanahnya ditadbir oleh Bandar Raya. Kita harus berasa bangga kerana Seberang Perai adalah Bandar Raya terbesar di Malaysia, memiliki keunikan sebuah bandar raya yang di dalamnya ada bandar dan desa, kawasan pertanian yang luas dan hutan serta pelbagai ekosistem.

MBSP mempunyai visi yang besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. MBSP telah menetapkan fokus untuk menjadi Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama-sama bandar raya-bandar raya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5°C.

MBSP juga komited untuk menjadi Bandar Raya Pintar pada tahun 2030 sesuai dengan wawasan Penang2030. Saya memahami sasaran yang ditetapkan adalah sasaran yang tinggi untuk dicapai. Walau bagaimanapun, demi kesejahteraan rakyat, seluruh warga kerja MBSP berjanji untuk memastikan sasaran tersebut dicapai dan menjadikan ianya satu kontrak sosial yang akan dilaksanakan secara bersama dengan rakyat dan *stakeholders*.

MBSP juga sentiasa memastikan Seberang Perai Bandar Untuk Semua sebagai *guiding principle* pentadbiran MBSP. Melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) Penang Model* bagi memastikan setiap sen yang dibelanjakan berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Seberang Perai menjadi model "*localising 17 SDGs*" yang merupakan Agenda Baru Perbandaran atau *New Urban Agenda 2030*, khususnya Goals 11 iaitu "Mewujudkan Bandar dan Penempatan Manusia yang Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Lestari".

Dengan status bandar raya, pelbagai perubahan juga akan dilaksanakan ke atas proses dan mekanisme kerja yang lapuk, tidak efisien dan terdapat permasalahan serta birokrasi akan ditambahbaik dan dihapuskan dengan menggunakan kreativiti dan inovasi selari dengan keadaan semasa.

MBSP mengambil langkah proaktif bagi melaksanakan fokus di atas dengan menghasilkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang Mampan dan Lestari yang merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan sosial, baik dari segi kebersihan, pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Program Bandar Selamat merupakan satu program pencegahan jenayah dalam memastikan sesebuah bandar dapat dikurangkan kadar kes jenayah dan membolehkan penduduk bandar dapat hidup dalam keadaan yang selesa dan selamat. Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan pada tahun 2004 di atas arahan kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004.

Tiga (3) strategi Program Bandar Selamat adalah mereka bentuk persekitaran fizikal; pengurusan penyertaan komuniti dan kesedaran awam; dan memperkasakan kawasan sasaran. Enam (6) langkah Program Bandar Selamat yang perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penggera keselamatan, cermin keselamatan, kamera litar tertutup dan pemetaan GIS jenayah. Tujuan Program Bandar Selamat adalah untuk mengurangkan jenayah di kawasan titik hitam (*black spot*) dan meningkatkan faedah, produktiviti dan kualiti hidup komuniti setempat.

Program Bandar Selamat merupakan projek tahunan yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui PlanMalaysia. Setiap tahun PBT perlu membentangkan cadangan projek kepada PlanMalaysia untuk mendapatkan kelulusan peruntukan. Pada tahun 2019, MBSP telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk pelaksanaan projek pejalan kaki dan pencahayaan di Taman Bukit Minyak.

Disebabkan prestasi pelaksanaan projek yang baik, pada tahun 2020, MBSP telah terpilih di antara sepuluh (10) PBT yang mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM700.000.00.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Pada tahun ini, MBSP telah melaksanakan projek pembinaan laluan pejalan kaki di Jalan Permatang Pauh dan kawasan Bandar Perda. Skop projek melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki sepanjang 1,823 meter dengan kelebaran 1.5 meter. Projek ini juga melibatkan penyediaan rel penghadang, dua (2) papan tanda pemberitahuan dan dua (2) cermin keselamatan. Laluan pejalan kaki ini juga dilengkapi dengan fasiliti kemudahan OKU. Projek ini dimulakan pada 1 September 2020 dan siap dilaksanakan pada 16 November 2020 dengan kos sebanyak RM443,481.00. Kontraktor projek adalah Ilham Niaga Venture.

Projek kedua pula adalah pemasangan lampu jalan jenis LED di sepanjang laluan pejalan kaki dan kawasan Rumah Pangsa Seri Pauh. Projek ini adalah hasil kerjasama antara MBSP dan komuniti (JMB Rumah Pangsa Seri Pauh) di mana sebelum pelaksanaan projek MBSP telah mendapatkan input daripada komuniti. Projek ini melibatkan pemasangan 28



batang tiang (9 meter) dengan lampu LED 120 WATT dan 36 batang tiang (7 meter) dengan lampu LED 90 WATT. Kos projek adalah RM256,495.40, dimulakan pada 13 Julai 2020 dan disiapkan pada 30 November 2020. Sebaik siap, projek ini diserahkan kepada pihak JMB untuk penyelenggaraan. Kontraktor projek adalah Kursk Elektrik Sdn. Bhd.

Kedua-dua projek ini memberi impak yang ketara dalam meningkatkan tahap keselamatan di kawasan *blackspot* dan mengurangkan *fear of crime*. Selain itu, ianya menggalakkan aktiviti yang sihat dengan berjalan.

Pelaksanaan projek pembinaan laluan pejalan kaki ini bersambung dengan laluan *Cycle to Work* di *Eco Corridor* dan sekarang keseluruhan Bandar Perda mempunyai 5 km laluan pejalan kaki / laluan basikal yang berhubung. Ini mewujudkan jaringan *connectivity* yg lebih baik di antara kawasan perumahan dengan *Central Business District* (CBD) Bandar Perda yang terdiri daripada pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, bank-bank, pusat-pusat perniagaan, restoran dan kedai makan, institusi-institusi pendidikan dan tempat riadah serta perkhidmatan BEST (*Bridge Express Shuttle Transport*) dan CAT (*Central Area Transit*) yang terletak kawasan

sekitar kawasan Bandar Perda. Pelaksanaan projek ini memanfaatkan seramai 23,000 penduduk sekitar dan 3,000 pelajar.

Untuk tahun 2021 pulak, MBSP sedang mengkaji dan menyediakan cadangan projek yang boleh dilaksanakan di kawasan *hotspot* jenayah seperti yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat JK Bandar Selamat iaitu di Penaga, Seberang Perai Utara; Kota Permai, Seberang Perai Tengah; dan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan. MBSP juga merancang untuk menyediakan jaringan perhubungan yang lebih luas di kawasan Bandar Perda pada masa akan datang.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Kita bakal menempuh gerbang tahun 2021 yang melabuhkan tirai 2020. Syabas dan tahniah kepada semua Ahli Majlis, warga kerja MBSP, wira orange dan semua penduduk Seberang Perai yang selama ini sentiasa menyokong dan mendokong usaha-usaha untuk merealisasikan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi dan seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon dan Bandar Raya Pintar. Semoga tahun 2021 akan membawa lebih banyak cahaya kejayaan dan sama-sama kita mengharungi

cabaran-cabaran mendatang dengan tekad dan semangat untuk kita terus berjuang.

Terima kasih juga kepada Ahli- Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang telah sama-sama memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”** dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Tahun 2020 pada hari ini.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Sekian,***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***